

**Laporan Kajian Ringkas Kebolehpasaran Graduan Sistem Persijilan Kemahiran
Malaysia (SPKM) Bagi Bahagian Perdagangan Borong Dan Runcit Dan Pembaikan
Kenderaan Bermotor Dan Motosikal**

2020

ABSTRAK

Pembangunan modal insan akan terus menjadi keutamaan untuk memperkasa tenaga kerja dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Perdagangan Borong dan Runcit dan Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merupakan antara yang memberikan pendapatan dan pertumbuhan kadar ekonomi yang tinggi kepada negara. Kajian ringkas ini menggunakan kaedah analisis kuantitatif secara deskriptif dimana data primer diperoleh daripada Kajian Pengesanan Graduan Sistem Penarafan Bintang Program Bertauliah pada tahun 2015 dan 2017 yang dianalisis bagi melihat status kebolehkeraan graduan dalam Perdagangan Borong dan Runcit dan Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal. Responden graduan yang terlibat dalam kajian ini adalah daripada graduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia dalam bidang Perdagangan Borong dan Runcit dan Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal di bawah Kod MSIC G45. Bilangan responden bagi kajian adalah seramai 9,875 graduan daripada Kod MSIC G452 dan G454 pada tahun 2015 dan seramai 16,979 graduan daripada Kod MSIC G452 dan G454 pada tahun 2017. Dapatan kajian ini menunjukkan kebolehkeraan graduan lepasan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dalam bidang Perdagangan Borong dan Runcit dan Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal adalah seramai 3,880 (39.29%) pada tahun 2015 dan 3,326 (19.59%) pada tahun 2017. Jumlah graduan yang bekerja sendiri pula adalah seramai 673 (6.82%) pada tahun 2015 dan seramai 719 (4.23%) pada tahun 2017. Selain itu, jumlah graduan yang sambung belajar pada tahun 2015 adalah seramai 5,322 (53.89%) dan seramai 3,828 (22.55%) pada tahun 2017. Bagi tempoh bekerja dalam masa enam (6) bulan, seramai 4,262 (43.16%) graduan telah bekerja dalam tempoh enam (6) bulan pada tahun 2015 dan seramai 3,656 (21.53%) pada tahun 2017.